

# LEGASI MAJALAH *IDAMAN* BAGI MEMAJUKAN PENDIDIKAN ORANG MELAYU DI JOHOR SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA

Siti Zahrah Mahfood, Nurulasyikin Hassan,  
Zuraini Jamil@Osman\*

## Abstrak

Kajian ini akan mengkhusus kepada isu pendidikan dalam majalah *Idaman*. *Idaman* selayaknya sebagai sebuah majalah kelolaan Persekutuan Guru-guru Melayu Batu Pahat telah memberi perhatian serius terhadap isu-isu yang berkait dengan soal pendidikan. Aspek pendidikan diberi penekanan kerana pelajaran merupakan kunci yang boleh membebaskan kaum masyarakat Melayu daripada kongkongan pemikiran dan adat yang kolot, dan menggerakkan mereka ke arah kemajuan tanpa menjejaskan nilai-nilai ketimuran dan tuntutan agama. Sebelum Perang Dunia Kedua *Idaman* dilihat pergi lebih jauh dengan melihat keperluan pendidikan kepada kanak-kanak sebagai persediaan ke arah menghadapi cabaran abad ke-20. *Idaman* dalam rencana keluarannya juga banyak menggesa masyarakat Melayu agar menghantar kanak-kanak lelaki dan perempuan ke sekolah kerana dengan cara ini lebih ramai golongan muda terpelajar yang dapat menjadi pemimpin masyarakat dapat dihasilkan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menganalisis majalah *Idaman* dan disokong oleh sumber lain seperti dokumen, laporan, akhbar dan buku-buku yang berkaitan. Oleh sebab kajian tentang pendidikan masyarakat Melayu di Johor sebelum Perang Dunia Kedua dalam majalah *Idaman* kurang mendapat perhatian penyelidik sejarah, diharap kajian ini akan dapat membantu ahli sejarah melihat kepentingan majalah *Idaman* sebagai antara majalah yang mampu mengubah pemikiran masyarakat Melayu terutamanya tentang isu pendidikan sebelum Perang Dunia Kedua.

Kata kunci: Legasi, pendidikan, masyarakat Melayu, majalah *Idaman*.

## Pengenalan

Pendidikan merupakan aset penting untuk mencapai kemajuan bangsa. Usaha majalah dan akhbar di Johor turut membantu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan

---

\* Siti Zahrah Mahfood, Nurulasyikin Hassan, dan Zuraini Jamil@Osman ialah pelajar di Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

dalam kalangan masyarakat Melayu antara majalah yang turut memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan di kalangan orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua ini adalah majalah *Idaman*. Tumpuan majalah *Idaman* terhadap pendidikan adalah selaras dengan hasrat kerajaan Johor untuk melahirkan lebih ramai golongan berpendidikan Melayu yang akan mengisi pentadbiran dan menguasai ekonomi negeri.

Majalah *Idaman* telah diterbitkan pada tahun 1939 oleh Persekutuan Guru Lelaki di daerah Batu Pahat, Johor. Motif utama penubuhannya adalah untuk mengukuhkan lagi perjuangan guru-guru Melayu serta memperbaiki kedudukan anak-anak bangsa Melayu terutama dari segi pelajaran. Anggota redaksinya terdiri daripada Kapten Syed Isa bin Alawi Isa (Penaung), Naim Shukran (Pengarang), Kamsani Hj. Arif (Penolong Penyunting), Abd. Jamil Markum (Pengurus), Ahmad Hj. Taib (Penolong Pengurus) dan Mohd Taib Imam (Bendahari).<sup>1</sup> Majalah *Idaman* mengandungi rencana pengarang (Pendahuluan), pengetahuan am, pendidikan, halaman agama, lawak jenaka hati, cerpen puisi (pantun, syair dan sajak), bahagian rencana dan lain-lain.

Rencana mengenai pendidikan menonjolkan faedah pendidikan untuk individu dan masyarakat keseluruhannya. Majalah *Idaman* berpendapat bahawa pendidikan boleh membantu individu memperbaiki kehidupan mereka, mendapat pekerjaan yang baik dan dapat menyumbang kepada masyarakat. Pengarang dalam majalah *Idaman* adalah contoh yang baik bagi menunjukkan bagaimana media di Johor digunakan untuk mempromosikan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu. Editorial menekankan kepentingan pendidikan untuk masyarakat secara keseluruhan. Ia juga menonjolkan peranan pendidikan dalam membina negara yang kukuh dan makmur.

Majalah *Idaman* juga percaya bahawa pendidikan dapat membantu mewujudkan masyarakat Melayu yang lebih progresif dan sejahtera. Hal ini demikian kerana ia menekankan kepentingan pendidikan untuk mobiliti sosial. Perkara ini dapat dilihat apabila majalah *Idaman* berhujah bahawa pendidikan adalah penting bagi orang Melayu untuk mengatasi kedudukan mereka yang kurang bernasib baik dalam masyarakat dan mencapai kesamarataan dengan kaum lain serta menggalakkan wanita Melayu turut bersaing dengan lelaki dalam pendidikan. Majalah ini membantu mencabar sikap tradisional terhadap pendidikan wanita dan mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong untuk gadis Melayu mendapat pendidikan. Secara keseluruhannya, majalah *Idaman* memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan di kalangan orang Melayu Johor sebelum Perang Dunia Kedua. Tumpuan majalah *Idaman* terhadap pendidikan membantu meningkatkan kehidupan individu dan masyarakat Melayu serta secara terus dapat menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negeri Johor. Legasi majalah *Idaman* dalam memajukan pendidikan di kalangan orang Melayu adalah amat ketara. Majalah itu membantu mengubah cara orang Melayu berfikir tentang pendidikan dan ia menggalakkan lebih ramai orang Melayu untuk melanjutkan pelajaran. Kesannya, bilangan orang Melayu yang bersekolah meningkat dengan ketara pada awal hingga pertengahan abad ke-20. Perkara ini membawa kepada peningkatan hasil ekonomi dan sosial bagi orang Melayu. Artikel ini memberikan gambaran terperinci tentang perkembangan pendidikan Melayu di Johor sebelum Perang Dunia Kedua. Perbincangan yang dilakukan berkisarkan kepada cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam memajukan pendidikan dalam

---

1 Seperti yang tercatat di muka surat depan *Idaman*.

kalangan masyarakat Melayu serta faktor-faktor yang menyumbang kepada peranan majalah *Idaman* dalam memajukan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu.

### **Pendidikan Sebagai Agen Perubahan Sosial**

Menyedari akan peranan pendidikan sebagai agen perubahan sosial yang penting memperlihatkan majalah dan akhbar di Johor berusaha untuk menarik minat lebih ramai orang Melayu supaya memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Akhbar dan majalah Melayu dilihat memperincikan faedah pendidikan kepada masyarakat Melayu dan cuba untuk memecahkan prasangka orang Melayu terhadap pendidikan moden. Selain ianya dapat mengubah nasib seseorang, pendidikan juga boleh meningkatkan taraf hidup dan status seseorang dalam masyarakat. Salah satu cara yang dilakukan oleh pihak majalah dan akhbar adalah dengan menonjolkan faedah ekonomi pendidikan. Dalam editorial yang diterbitkan pada tahun 1941, majalah ini menekankan kepentingan pendidikan untuk mengekalkan keamanan dan kemajuan di negara ini. Malah editorial berpendapat bahawa pendidikan dapat membantu melahirkan rakyat yang taat kepada raja dan negara, mempunyai sifat yang baik dan taat kepada Tuhan. Ia juga berpendapat bahawa pendidikan boleh membantu menaikkan taraf negara supaya setanding dengan negara maju yang lain. Hal ini ditegaskan oleh majalah *Idaman* bahawa pendidikan dapat mengekalkan keamanan dan kemajuan sesebuah negara.

“Dari mana sekarang yang dikatakan zaman kemajuan ini, soal pendidikan itu sangat-sangatlah diutamakan oleh sekalian lapisan umat di dunia ini yang seharusnya wajib diketahui oleh kaum-kaum bapa, kaum-kaum ibu teristimewa kepada kaum-kaum guru yang jadi pendidik aak-anak bangsanya kerana dengan sempurna dan anaknya didikan itu kelak akan berjaya yang hasilkan keamanan sesebuah negeri, menarik rakyat kasih dan setia kepada Raja, bangsa dan tanah airnya sambil melayakkan sifat-sifat baik dan pendorong dari sanubarinya masing-masing memimpin kepada taat perintah-perintah dan tegahan-tegahan Tuhannya, mengangkat ketinggian darjat bangsa itu menjadi setanding dengan bangsa-bangsa asing yang telah berkemajuan sehingga mereka memandang telah setaraf dengannya.”<sup>2</sup>

*Idaman* turut berpendapat bahawa pendidikan boleh membantu orang Melayu mendapatkan pekerjaan yang baik dan meningkatkan taraf hidup mereka seterusnya mewujudkan masyarakat Melayu yang lebih sejahtera. Manakala bagi meruntuhkan prasangka masyarakat Melayu berkaitan pendidikan moden yang dilihat berpotensi menjejaskan nilai dan budaya tradisi mereka ditentang oleh majalah dan akhbar dengan mengatakan bahawa pendidikan moden boleh serasi dengan nilai tradisional orang Melayu.<sup>3</sup> Di samping itu, penekanan terhadap pendidikan moden ini bagi memastikan orang Melayu dapat bersaing dalam dunia moden.

Dalam artikel bertajuk “Apakah Kelebihan Ilmu dan Bagaimanakah Ilmu Pengetahuan Yang Dikehendaki?” yang tersiar dalam majalah *Idaman*, pengarangnya menjelaskan melalui

2 “Pendidikan yang Membawa Kepada Kemalaratan dan Kesentosaan”, *Idaman* 1 Mei 1941, hlm. 5.

3 Mad Jailani Imam, “Apakah Kelebihan Ilmu dan Bagaimanakah Ilmu Pengetahuan Yang Dikehendaki?” *Idaman*, 1 Januari 1940, hlm. 23.

pendidikan seseorang akan dapat mengubah kehidupan mereka dan mengangkat status seseorang individu itu ke tingkat yang lebih tinggi dalam masyarakat:

“...ilmu pengetahuan itulah yang membolehkan seseorang atau umat itu mendapat kejayaan, ketinggian dan kemajuan pada serba serbi kerana telah maklum pengetahuan itu ada mengandungi di dalamnya beberapa bahagian tetapi hendaklah ingat! Iaitu tiap-tiap satu bahagian daripadanya itu sayugialah dipelajari dan dikaji dengan secukupnya, kerana dengan itulah kelak baharu kita dapat merasai akan buah-buah dan faedah yang dihajati...”<sup>4</sup>

Penulis artikel di atas menyatakan bahawa pendidikan boleh mengubah kehidupan dan mengangkat martabat seseorang individu ke tahap yang lebih tinggi dalam masyarakat. Pendidikan menyediakan orang dengan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perlukan untuk berjaya di tempat kerja dan dalam kehidupan. Ia juga membantu orang ramai mengembangkan kemahiran berfikir kritis dan menjadi warganegara yang lebih berpengetahuan.

Dalam konteks masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, aspek pendidikan ini merupakan sebuah perkara yang penting. Hal ini demikian kerana, orang Melayu merupakan golongan yang terpinggir pada masa ini dan pendidikan dilihat sebagai satu cara untuk mereka meningkatkan kehidupan dan mencapai mobiliti sosial. Penulis artikel majalah *Idaman* memandang serius dan menekankan kepentingan pendidikan yang dilihat sebagai alat yang berkuasa bagi membolehkan kehidupan manusia berubah ke arah yang lebih baik. Majalah *Idaman* ini turut menjelaskan kepada masyarakat Melayu tujuan menghantar anak-anak ke sekolah bukan hanya untuk bekerja dengan kerajaan atau menjadi saudagar. Masyarakat Melayu seharusnya menyedari bahawa tujuan belajar adalah untuk menajamkan akal fikiran supaya seseorang itu dapat memikirkan perkara baik dan buruk serta dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul. Malah dengan adanya pelajaran, seseorang itu tidak mudah untuk ditipu dalam kehidupan seharian. Perkara ini dapat dilihat di dalam petikan di bahawa yang menjelaskan bahawa:

“Orang-orang Melayu umum telah mendapat pelajaran dan pengajaran daripada bangku sekolah Melayu dan Inggeris, tujuan ia belajar semata kerana hendak bekerja kepada kerajaan, saudagar dan lain-lainnya. Perasaan yang demikian selalu sekali, bukankah ia belajar itu supaya tajam akal fikiran supaya dapat memikirkan hal-hal yang telah berlaku dan apa jua yang akan berlaku sekiranya salah cuba membaiki dan salah cuba mengekalkan keelokkan itu, daripada itu panjang sekiranya selagi kita orang Melayu belum mara hidup bersendirian tidak bolehlah kita berlegar sendiri berusaha bukankah hendak berpengetahuan cubalah tuan-tuan fikirkan orang yang berusaha pada suatu pekerjaan padahal ia tidak berpengetahuan misalnya ia berusaha berniaga, tentulah ia berkehendakkan pelajaran dan pengetahuan tipu helah berniaga hendaklah untung sepuluh sen dalam sebarang bukankah suatu perkara yang

---

4 Mad Jailani Imam, “Apakah Kelebihan Ilmu dan Bagaimanakah Ilmu Pengetahuan Yang Dikehendaki?” *Idaman*, 1 Januari 1940, hlm. 23.

sukar berlaku? Pengetahuan itu ialah pengetahuan yang tidak boleh kita dapat di bangku sekolah melainkan kita dapat dari pelajaran kita itulah puncunya kemudian memandang kehadapan kiri-kanan dan membelakangkan bekerja bertanam bercucuk hendak tau juga rasmi dan kehendak pokok itu bukan asal tanam mesti dapat hasil yang memuaskan hati.”<sup>5</sup>

Secara umumnya, artikel majalah *Idaman* turut memberikan penekanan terhadap kepentingan pendidikan untuk mobiliti sosial. Mereka berpendapat bahawa pendidikan adalah penting bagi orang Melayu untuk mengatasi kedudukan mereka yang kurang bernasib baik dalam masyarakat dan mencapai persamaan dengan kaum lain. Disebabkan perkara inilah majalah *Idaman* memandang serius berkenaan isu pendidikan dalam kalangan orang Melayu yang masih ketinggalan berbanding bangsa lain di Johor. Akhbar dan majalah di Johor memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej kepentingan pendidikan kepada masyarakat Melayu. Mereka menerbitkan artikel dan editorial yang menonjolkan faedah pendidikan untuk individu dan masyarakat secara keseluruhan. Mereka juga memaparkan kisah orang Melayu yang berjaya mencapai matlamat mereka melalui pendidikan.

Justeru itu, menerusi penulisan rencana-rencana yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan, majalah ini cuba menyedarkan orang Melayu kepentingan pendidikan bagi mengukuhkan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Bukan sahaja sebagai seseorang yang berilmu dan pandai bahkan bagi membezakan sesuatu perkara yang baik dan buruk. Pendek kata orang Melayu diseru untuk mengubah nasib diri melalui pelajaran seperti mana bangsa lain. Melalui bantuan pendidikan orang Melayu tentunya boleh mendapat pekerjaan yang serta gaji yang lebih baik bagi meningkatkan taraf hidup mereka dengan akses terhadap aspek kesihatan, perumahan dan sumber lain yang lebih baik. Malah dengan adanya pendidikan ini tentunya orang Melayu dapat mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka bagi membolehkan mereka lebih berdaya saing di tempat kerja dan dalam konteks masyarakat keseluruhannya. Perkara lain yang turut digariskan terhadap kepentingan pendidikan ini kepada orang Melayu adalah seperti menjadi warganegara yang lebih berpengetahuan dan dapat mengambil bahagian dengan sepenuhnya dalam kehidupan awam, membantu mengembangkan kemahiran berfikir yang kritis, menjadi pengguna maklumat yang lebih arif, memelihara dan mempromosikan budaya serta warisan mereka. Perlulah ditekankan bahawa pendidikan bukanlah peluru ajaib yang mampu menyelesaikan semua permasalahan yang dihadapi masyarakat Melayu namun ianya merupakan alat yang paling ampuh bagi membantu masyarakat Melayu memperbaiki kehidupan dan mencapai matlamat mereka.

## Isu Keciciran Pendidikan Dalam Masyarakat Melayu

Isu keciciran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu Johor sebelum Perang Dunia Kedua amat membimbangkan kerajaan dan media. Pada masa itu, ramai orang Melayu kurang menyedari kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Walaubagaimanapun, kerajaan dan media surat khabar dan majalah mengakui bahawa pendidikan adalah mekanisme utama

---

5 “Pengetahuan Luar”, *Idaman*, Bil. 2, 1 April 1940, hlm. 109.

untuk berlakunya proses mobiliti sosial dan ianya penting untuk membina sebuah negara yang kuat. Seiring dengan keprihatinan kerajaan dalam isu keciciran ini, akhbar dan majalah di Johor terutamanya majalah *Idaman*, bertindak menyalurkan idea tentang kepentingan pelajaran sebagai mekanisme utama dalam mobiliti sosial.<sup>6</sup>

*Idaman* menyedari bahawa ramai kalangan kanak-kanak masyarakat Melayu mengalami keciciran dalam bidang pendidikan. Meskipun tiada rekod rasmi secara bertulis yang berkaitan isu keciciran, namun terdapat data yang menunjukkan isu ini berlaku. Misalnya, masalah ketidakcukupan murid sehingga membawa penutupan beberapa buah sekolah Melayu dari tahun 1893 sehingga 1909 membuktikan bahawa sambutan masyarakat Melayu terhadap pendidikan kurang memberangsangkan.<sup>7</sup> Tidak dinafikan walaupun selepas beberapa tahun ada seolah yang dibuka semula namun hakikatnya isu keciciran anak-anak Melayu belum selesai. Perkara ini disokong oleh fakta bahawa isu anak Melayu berhenti sekolah masih belum selesai walaupun selepas beberapa tahun menunjukkan beberapa sekolah telah dibuka semula. Berikut adalah jadual 1 yang menunjukkan penutupan dan dibuka kembali beberapa sekolah Melayu dari tahun 1893 sehingga 1909:

**Jadual 1: Sekolah-sekolah Melayu yang ditutup dan dibuka kembali**

Nama Sekolah	Ditubuhkan	Ditutup	Dibuka kembali
Sekolah Melayu Padang	1883	1893	-
Sekolah Melayu Surat	1883	1901	1929
Sekolah Melayu Pengerang	1883	1890	1929
Sekolah Melayu Parit Raja	1890	1900	1903
Sekolah Melayu Jalan Bakri	1897	1909	-
Sekolah Melayu Kota Tinggi	1898	1901	1906
Sekolah Melayu Sungai Idrus	1898	1909	-

Sumber: *Singapore and Straits Directory, 1884-1929*. ANMCJ

Jadual di atas menunjukkan bahawa beberapa sekolah Melayu di Johor telah ditutup dan kemudian dibuka semula antara tahun 1883 dan 1929. Penutupan beberapa buah sekolah Melayu ini kerana kekurangan murid. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sambutan masyarakat Melayu terhadap pendidikan kurang memberangsangkan pada ketika itu. Ia juga memberikan gambaran tentang cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan dan masyarakat Melayu dalam memajukan pendidikan. Hal ini menunjukkan bahawa isu anak Melayu berhenti sekolah merupakan masalah yang ketara pada masa itu. Pembukaan semula beberapa buah sekolah Melayu tidak bermakna isu anak Melayu keciciran dalam pendidikan telah selesai. Malah isu ini masih menjadi masalah sehingga ke hari ini dan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada perkara tersebut termasuklah faktor kemiskinan, faktor budaya dan kekurangan pendidikan yang berkualiti di beberapa kawasan.<sup>8</sup> Alasan lain adalah disebabkan

6 SP18/3B/10: *Pemandangan Mengenai Orang Melayu: Kemiskinan Orang Melayu*”, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

7 SS797/1919, surat pemeriksaan Sekolah-sekolah Melayu Johor Kepada Setiausaha kerajaan, 12 Mei 1919.

8 Abdul Rahman Embong, “Development of Johor Malay Education, 1855-1941”, *Journal of the Royal Asiatic Society of Malaysia Branch* 70, no. 1 (1997), hlm. 33-45.

kepercayaan terhadap pendidikan tidak diperlukan untuk anak-anak mereka terutamanya jika mereka akan bekerja dalam pertanian atau pekerjaan tradisional yang lain. Di samping itu, sesetengah orang Melayu bimbang akan pengaruh budaya Barat terhadap anak-anak mereka di sekolah. Walaupun ada ibu bapa yang berusaha menyekolahkan anak-anak mereka pada waktu itu, namun secara umumnya sebelum Perang Dunia Kedua, pelajaran formal tidak begitu dipentingkan oleh masyarakat Melayu malah penubuhan sekolah sering mengundang prasangka dalam kalangan masyarakat Melayu sebagaimana ulas M.C Tylor:

*“... not so very many years ago education of Malay girls was almost unheard of and the one or two school first establish ever viewed with much suspicion Malay parents. Girls could not go anywhere unless carefully chaperoned, and mothers dislike losing the services of their daughters, whom they considered could pick up cookey and needles work as well at home as at school.”<sup>9</sup>*

Pihak kerajaan dan media memainkan peranan yang penting dalam usaha menangani masalah ini tetapi lebih banyak perlu dilakukan bagi memastikan semua anak Melayu mendapat pendidikan berkualiti dan dapat menamatkan persekolahan mereka. Antara usaha kerajaan yang membuka semula beberapa sekolah selepas beberapa tahun menunjukkan bahawa mereka komited untuk memajukan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu. Pembukaan semula sekolah-sekolah ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk pengiktirafan kerajaan terhadap kepentingan pendidikan untuk pembangunan ekonomi, serta tekanan daripada pemimpin masyarakat Melayu. Mereka juga menekankan kepentingan pendidikan untuk meningkatkan status sosial dan peluang ekonomi seseorang.<sup>10</sup>

Waima dasar-dasar pelajaran telah pun diperkenalkan namun masih ramai ibu bapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana kebimbangan terhadap pengaruh sistem pendidikan sekular British. Hal ini tidak menghairankan memandangkan kerajaan kolonial British sering dilihat sebagai ancaman kepada budaya dan agama orang Melayu.<sup>11</sup> Memandang serius terhadap sikap ibu bapa. Pengarang majalah *Idaman* melakukan percubaan untuk menangani kebimbangan ibu bapa Melayu tentang pendidikan sekular British. Majalah itu menegaskan dasar pelajar kerajaan adalah untuk menyediakan pendidikan percuma dan buku teks percuma kepada anak Melayu. Perkara ini menjadi mesej penting kerana ia menunjukkan bahawa kerajaan komited untuk menjadikan pendidikan boleh diakses oleh semua anak Melayu tanpa mengira keadaan kewangan mereka. Majalah ini juga menekankan kepentingan pendidikan untuk individu dan masyarakat keseluruhannya. Ia berpendapat bahawa pendidikan boleh membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka serta mendapatkan pekerjaan yang baik pada masa hadapan. Ia juga berpendapat bahawa pendidikan boleh membantu mewujudkan masyarakat Melayu yang lebih berilmu dan progresif. Hal ini diperjelaskan dalam *majalah Idaman*;

9 M.C.Tylor, “Domestic Science in Malay Girl’s Schoo; In Perak”, *Education in Malaya*, Being articles reprinted from Overseas Education (Published by Colonial Office) 1930 to 1942 and 1946, Kuala Lumpur:Government Press, 1948, hlm.105.

10 SP18/3B/10: *Pemandangan Mengenai Orang Melayu: Kemiskinan Orang Melayu*”, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

11 Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900:1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm.12.

“Dari mana sekarang yang dikatakan zaman kemajuan ini, soal pendidikan itu sangat-sangatlah diutamakan oleh sekalian lapisan umat didunia ini yang seharusnya wajib diketahui oleh kaum-kaum bapa, kaum-kaum ibu teristimewa kepada kaum-kaum guru yang jadi pendidik anak-anak bangsanya kerana dengan sempurna dan anaknya didikan itu kelak akan berjaya yang hasilkan keamanan sesebuah negeri, menarik rakyat kasih dan setia kepada Raja, bangsa dan tanah airnya sambil melayakkan sifat-sifat baik dan pendorong dari sanubarinya masing-masing memimpin kepada taat perintah-perintah dan tegahan-tegahan Tuhannya, mengangkat ketinggian darjat bangsa itu menjadi setanding dengan bangsa-bangsa asing yang telah berkemajuan sehingga mereka memandang telah setaraf dengannya.”<sup>12</sup>

Berkaitan dengan isu keciciran pendidikan ini memperlihatkan majalah *Idaman* turut mengkritik sikap ibu bapa yang tidak bersungguh-sungguh menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana lebih memerlukan tenaga anak lelaki mereka di kebun manakala anak perempuan diperlukan untuk membantu ibu mereka di dapur. Keadaan ini dibuktikan oleh pengalaman yang dialami sendiri oleh seorang guru yang cuba untuk memujuk ibu bapa supaya menghantar anak mereka ke sekolah.

“...maka dijawab pula guru itu. Anak tuan pada pandangan saya sudah cukup pandai seperti tuan juga kiranya tuan boleh dapat empat lima kati getah menoreh sehari, anak tuan boleh dapat juga dan pandai yang bagaimana tuan kehendakkan itu. Maka dengan terdiamlah ia sejurus dengan masam mukanya sambil katanya. Cikgu, periuk saya tidak berasap tiada siapa yang boleh menolong sekiranya anak tidak boleh menolong siapa lagi yang boleh menolong.”<sup>13</sup>

Kritikan terhadap ibu bapa yang tidak menghantar anak ke sekolah kerana memerlukan bantuan anak di rumah merupakan gambaran sikap masyarakat Melayu terhadap pendidikan ketika itu. Pada masa lalu, terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua ramai kalangan orang Melayu percaya bahawa pendidikan tidak diperlukan untuk anak-anak mereka. Terutamanya sekali jika mereka bekerja sebagai petani atau pekerjaan tradisional lain.<sup>14</sup> Mereka lebih suka anak perempuan mereka membantu menguruskan rumah tangga manakala anak lelaki bekerja di sawah daripada menghabiskan kebanyakan waktu di sekolah.<sup>15</sup>

Pengarang majalah *Idaman* turut menonjolkan fakta bahawa ramai gadis Melayu tidak dihantar ke sekolah kerana ibu bapa mereka memerlukan bantuan mereka di rumah. Ini adalah masalah biasa dalam kebanyakan masyarakat tradisional, di mana kanak-kanak perempuan dijangka melakukan tugas domestik sejak usia muda. Bagaimanapun majalah itu berhujah bahawa kanak-kanak perempuan juga harus mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan. Hal ini dikaitkan dengan peranan pendidikan yang boleh membantu kanak-kanak perempuan untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka serta untuk mencari

---

12 “Pendidikan yang Membawa Kepada Kemelaratan dan Kesentosaan”, *Idaman*, 1 Mei 1941, hlm.5.

13 “Pendidikan yang Membawa Kepada Kemelaratan dan Kesentosaan”, *Idaman*, 1 Mei 1941, hlm.5.

14 H. R. Cheeseman, “Education in Malaya”, dlm *Education In Malaya*, Kuala Lumpur:Government Press, 1948.

15 H. Coway Belfield, *Handbook of the Federated Malay States*, Second Edition, London: Edward Stanford, 1904, hlm.118; Lihat juga F.A. Swettenham, *Malay Sketches*, London: John Lane, 1913, hlm.6-7.



pekerjaan yang lebih baik. Perkara ini dapat diserasikan dengan pendapatan majalah ini yang melihat pendidikan dapat membantu mewujudkan masyarakat Melayu yang lebih progresif.<sup>16</sup> Adalah penting untuk menangani isu ini disebabkan ia memberikan kesan kehilangan pendidikan yang diperlukan oleh kanak-kanak untuk berjaya dalam kehidupan.

Perkembangan pendidikan dalam kalangan orang Melayu pada peringkat awal agak lembab dan kurang memuaskan kerana sambutan dingin ibu bapa Melayu. Hal ini jelas dapat dilihat, contohnya, pada tahun 1919 daripada 40 orang yang mendaftar hanya 29 orang sahaja yang hadir ke sekolah.<sup>17</sup> Murid-murid ini hanya diajar oleh seorang guru tentang pelajaran Melayu. Dalam keadaan yang serba kekurangan itu, pelajaran yang diberikan tidaklah begitu sempurna.<sup>18</sup> Fakta bahawa masyarakat Melayu di Batu Pahat membina lebih banyak sekolah pada penghujung 1930-an jelas menunjukkan bahawa sambutan terhadap pendidikan semakin menggalakkan. Hal ini memperlihatkan bahawa usaha majalah *Idaman* untuk mempromosikan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu memberikan impak yang positif. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada sokongan dalam kalangan masyarakat Melayu pada akhir 1930-an. Salah satunya adalah disebabkan tindakan kerajaan memperkenalkan beberapa dasar untuk menggalakkan pendidikan dalam kalangan orang Melayu. Misalnya, menyediakan pendidikan dan buku teks yang percuma. Selain itu, masyarakat semakin sedar akan kepentingan pendidikan terhadap individu dan masyarakat keseluruhannya. Malah kejayaan masyarakat Melayu lain yang melabur dalam pendidikan ini turut memberikan ilham kepada mereka.

Sehubungan dengan itu, pembinaan sekolah oleh masyarakat di Batu Pahat merupakan sebuah peristiwa penting dalam sejarah pendidikan Melayu di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana pembinaan sekolah baharu oleh masyarakat Melayu secara gotong royong di Batu Pahat adalah bukti komitmen mereka untuk meningkatkan kehidupan anak-anak mereka. Ia menjadi bukti kuasa pendidikan untuk mengubah masyarakat.<sup>19</sup> Seterusnya, perkembangan sekolah Melayu di kawasan perkampungan oleh pihak kerajaan pada tahun 1940-an diperhebatkan lagi dengan wujudnya kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang sedikit sebanyak dipengaruhi oleh dorongan untuk mengukuhkan kedudukan masyarakat Melayu melalui golongan intelektual.

Usaha gabungan antara kerajaan Johor dan cendekiawan Melayu membawa kepada peningkatan yang ketara dalam bilangan sekolah Melayu pada tahun 1940-an. Peningkatan bilangan sekolah tersebut membolehkan lebih ramai anak Melayu mendapat tempat dalam pendidikan. Lagi pula, pendidikan itu merupakan aspek yang sangat penting dalam mencapai kemajuan dalam sesuatu bangsa. Malah kaedah lain bagi yang digunakan oleh akhbar dan majalah dalam mempromosikan pendidikan adalah dengan mengetengahkan faedah pendidikan untuk individu dan masyarakat secara keseluruhannya. Kesannya, kadar celik huruf dalam kalangan masyarakat Melayu meningkat dengan ketara dalam dekad selepas Perang Dunia Kedua.

---

16 "Pendidikan yang Membawa Kepada Kemelaratian dan Kesentosaan", *Idaman*, 1 Mei 1941, hlm.6.

17 SS797/1919: *Surat Pemeriksaan Sekolah-sekolah Melayu Johor Kepada Setiausaha kerajaan*, 12 Mei 1919. ANMCJ.

18 *Ibid.*

19 M. A Fauzi Basri. "Daerah Batu Pahat 1880-1917.", *Jebat*, Bil.2, 1972/73.

## Kaedah Pengajaran

Bagi memajukan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu, majalah *Idaman* turut menyedari bahawa reformasi dan rombakan semula perlu dilakukan ke atas sistem pendidikan Melayu. Perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah teknik pengajaran di sekolah-sekolah Melayu. Hal ini demikian kerana sebelum tahun 1930-an tidak terdapat lagi buku pedagogi yang lengkap terutama sekali dalam Bahasa Melayu.<sup>20</sup> Walhal teknik pengajaran atau penyampaian pendidikan dengan menggunakan kaedah yang betul merupakan perkara yang penting. Oleh sebab itu, seorang guru diwajibkan untuk menguasai ilmu pedagogi dan mengaplikasikannya dalam menyampaikan ilmu agar mudah diterima dan difahami oleh murid. Ketiadaan panduan yang lengkap ini memperlihatkan bahawa guru tidak dilatih dalam kaedah dan teknik pengajaran.

Teknik pengajaran ini penting kerana ia memberikan impak yang besar kepada pembelajaran para pelajar. Teknik pengajaran yang baik tentunya dapat membantu para pelajar untuk belajar dengan lebih cekap dan berkesan. Sebaliknya, teknik pengajaran yang lemah pula akan menyukarkan para pelajar tersebut yang kemudiannya menyebabkan kekecewaan dan keterpisahan.<sup>21</sup> Berikutan daripada perkara tersebut memperlihatkan majalah *Idaman* telah mengeluarkan garis panduan berkenaan penggunaan kaedah mengajar yang betul dan berkesan dalam ruangan mengajar dan mendidik. Antara kriteria penting dalam panduan yang diberikan oleh majalah ini, adalah guru harus sentiasa mempunyai kepribadian yang sempurna. Misalnya, guru dinasihatkan supaya sentiasa senyum semasa mengajar dan menanamkan rasa keikhlasan dalam mengajar anak bangsa sendiri. Guru juga diingatkan supaya mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan pembahagian waktu yang tersusun serta kebijaksanaan dalam menggunakan waktu yang sempurna juga perlu diberikan perhatian. Di samping itu, guru digalakkan agar menyediakan bahan untuk mengajar dan melakukan pembacaan agar pelajar lebih memahami isi pelajaran. Guru turut digalakkan mengikut masa yang ditetapkan dan tidak terburu-buru untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Yang kedua pengajaran guru itu terlalu panjang, tidak berpadan dengan masa yang telah ditetapkan. Tidak kurang jumlahnya guru yang bersifat tersagat gopoh dan terbutu-buru hendak menghabiskan sesuatu pelajaran yang panjang dalam masa sehari.”<sup>22</sup>

Petikan daripada *majalah Idaman* ini, menonjolkan kepentingan pengurusan masa dalam pengajaran. Guru harus dapat mengatur kadar pelajaran mereka dengan sewajarnya supaya mereka dapat menampung semua bahan yang diperlukan tanpa tergesa-gesa sehingga memberikan kesan negatif kepada tahap kefahaman pelajar. Perkara yang boleh dilakukan

---

20 Pada tahun 1930-an barulah terdapat buku seperti *Ilmu Pendidikan dan Atoran Pelajara*. Lihat Za'ba., “Recent Malay Literature,” *JMBRAS* XIX (1941): hlm. 18.

21 Irene Garcia-Moya, Fiona Brooks & Carmen Moreno, “Humanizing and Conducive to Learning: An Adolescent Student’s Perspective on the Central Attributes of Positive Relationships with Teachers,” *European Journal of Psychology of Education* 35, 2020. hlm. 6.

22 Penerbit, “Guru Dengan Pengajarannya”, *Idaman*, 1 Mac 1941, hlm. 8.

bagi menangani perkara ini adalah dengan merancang dengan teliti pelajaran mereka dan memperuntukkan masa untuk setiap aktiviti.<sup>23</sup> Sehubungan dengan itu, guru juga harus bersikap fleksibel dan menyesuaikan rancangan mereka mengikut keperluan.

Majalah *Idaman* turut menghuraikan secara terperinci tentang cara-cara mengajar yang perlu dikuasai oleh guru untuk lebih bersedia mewujudkan suasana pembelajaran yang sistematik. Contohnya, majalah *Idaman* berkongsi kaedah menyelesaikan kira-kira matematik dengan ringkas dan senang sebagai panduan guru dalam pengajaran mereka. Perkara ini disediakan di dalam ruangan “meringkaskan kira-kira” pada setiap keluaran majalah *Idaman*. Sebahagian besar rencana pendidikan ditulis dalam bentuk bersiri sebagai satu galakan untuk kaum guru.

*Idaman* turut menyedari kepentingan penyediaan ringkasan pengajaran. *Idaman* menjelaskan terdapat beberapa kepentingan menyediakan ringkasan pengajaran dan menggalakkan membaca. Ringkasan pengajaran boleh membantu guru untuk kekal teratur dan berada di landasan yang betul semasa pelajaran, dapat mengenal pasti sebarang kemungkinan jurang dalam pemahaman mereka tentang bahan tersebut, membantu untuk membuat refleksi tentang amalan pengajaran mereka serta membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Manakala membaca pula dapat membantu pelajar mempelajari budaya dan perspektif yang berbeza, membantu mengembangkan kemahiran berfikir kritis, menjadi cara yang menyeronokkan dan menyeronokkan untuk pelajar belajar. Majalah *Idaman* turut memberi tumpuan kepada penyediaan rumusan pengajaran dan menggalakkan amalan membaca dalam bilik darjah mereka. Ini adalah dua aspek penting dalam pengajaran berkesan yang boleh membantu pelajar untuk berjaya di sekolah dan dalam kehidupan.

Ironinya usaha majalah *Idaman* menulis rencana-rencana berkaitan kaedah pengajaran ini sangat berguna kepada guru-guru Melayu yang berkhidmat sebagai guru pelatih atau guru sementara tetapi tidak berpeluang untuk memasuki maktab perguruan ataupun sedang menunggu peluang untuk dipikih memasuki maktab latihan guru. Secara langsung garis panduan dalam bidang pedagogi ini memberi manfaat kepada guru-guru sebagai panduan untuk mereka mengajar.<sup>24</sup>

## Isu Pendidikan Wanita

Ramai orang Melayu percaya bahawa pendidikan wanita tidak diperlukan dan kanak-kanak perempuan harus memberi tumpuan kepada tugas domestik. Sikap ini ditunjukkan dalam fakta bahawa sekolah untuk kanak-kanak perempuan adalah sedikit berbanding dengan sekolah untuk kanak-kanak lelaki. Hal ini turut menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan yang dihantar ke sekolah adalah kurang. Laporan daripada British turut mendakwa pendidikan dalam kalangan wanita Melayu sememangnya jauh ketinggalan berbanding golongan

23 May Britt Postholm, “Classroom Management: What Does Research Tell Us,” *European Educational Research Journal* 12, no. 3, 2013. hlm. 394 & 398.

24 Pada zaman kolonial, terdapat ramai guru yang tidak mendapat latihan di maktab. Zainuddin Leman, “Perkembangan Pelajaran Melayu di Selangor” dalam Khoo Kay Kim, Adnan Nawang et al. (eds.), *Selangor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm. 111.

lelaki.<sup>25</sup> Sikap orang Melayu sendiri yang dianggap sebagai ‘prejudis’<sup>26</sup> dan ‘pesimistik’<sup>27</sup> terhadap pendidikan melibatkan golongan wanita menjadi punca hal ini terjadi. Fakta bahawa pendidikan di kalangan wanita Melayu jauh ketinggalan berbanding lelaki adalah cerminan sikap orang Melayu itu sendiri terhadap pendidikan wanita. Hal ini dapat dilihat pada penghujung dekad 1930-an, jumlah sekolah yang dibina untuk golongan wanita adalah sedikit berbanding dengan sekolah lelaki(Lihat Jadual 2).<sup>28</sup>

**Jadual 2 : Bilangan Sekolah Lelaki dan Perempuan Melayu di Johor dari tahun 1937 hingga 1939.<sup>29</sup>**

Tempat	1937		1938		1939	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Johor Bahru	36	9	41	7	43	7
Muar	44	4	49	6	52	6
Batu Pahat	41	5	44	8	45	9
Jumlah	121	18	134	21	140	22

Sumber: Dipetik dan Diubahsuai daripada *The Annual Report of the Superintendent of Education, Johore, 1939*.

Data dalam jadual 2 menunjukkan bilangan sekolah lelaki dan perempuan Melayu di Johor meningkat dari tahun 1937 sehingga 1939. Walaubagaimanapun, bilangan sekolah perempuan adalah jauh lebih rendah daripada bilangan sekolah lelaki. Pada tahun 1937, terdapat 36 buah sekolah lelaki dan 9 buah sekolah perempuan di Johor. Manakala pada tahun 1939 memperlihatkan sebanyak 43 buah sekolah lelaki dan 7 buah sekolah perempuan. Di dalam data ini menunjukkan bahawa terdapatnya jurang jantina dalam pendidikan di Johor pada akhir 1930-an. Jurang ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah sikap tradisional terhadap pendidikan wanita dan keperluan untuk kanak-kanak perempuan membantu di rumah serta kekurangan sekolah untuk perempuan.

Hal ini demikian kerana orang Melayu masih bimbang dengan percampuran bebas antara lelaki dan wanita serta risau kehilangan bantuan tenaga anak perempuan mereka di rumah.<sup>30</sup> Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh *Annual Report 1929* yang telah dikeluarkan oleh F.M.S yang menyatakan bahawa:

*“Malay girl school remained for a long time a very hard problem. Malay parents viewed much suspicion the one or two school which were first established; they thought a knowledge of reading and writing would promote love-letters and*

25 C.A. Vlieland, *British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problem of Vital Static*, London: The Crown Agent for the Colonies, 1932.

26 Perasaan atau pendapat yang tidak berasas terhadap sesuatu.

27 Sikap mudah berputus asa dan cenderung melihat keburukan sesuatu, segera berasa kecewa atau hilang kepercayaan terhadap sesuatu.

28 *Johore Annual Report 1930: A Report by G. E. Shaw, ANM.*

29 *The Annual Report of the Superintendent of Education, Johore, for the year 1939.*

30 Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, Pulau Pinang, 1955, hlm. 5.

*intrigue, they were nervous about allowing their girls to traverse streets or paths unaccompanied, the mother dislike losing the services of their daughters and the self-satisfied parent thought that they could pick up cookey and needlework as well at home as in school.”<sup>31</sup>*

Kerajaan Johor turut menyedari masalah buta huruf wanita dalam kalangan orang Melayu. Pada tahun 1940-an, kerajaan Johor telah memperkenalkan beberapa dasar untuk menggalakkan pendidikan wanita seperti menyediakan pendidikan percuma untuk perempuan di sekolah Melayu dan membina sekolah baru untuk perempuan di kawasan luar bandar. Bagaimanapun, usaha kerajaan Johor untuk memajukan pendidikan wanita mendapat tentangan daripada orang Melayu. Memandang serius masalah ini, Persekutuan Guru-Guru Lelaki Melayu Batu Pahat melalui majalah *Idaman* menyarankan supaya golongan wanita turut terlibat sama dengan golongan lelaki untuk mendapatkan pendidikan supaya golongan wanita turut terlibat sama dengan golongan lelaki dalam mendapatkan pendidikan agar golongan wanita dilihat mampu meningkatkan martabat mereka setanding dengan golongan lelaki.<sup>32</sup>

Peranan majalah *Idaman* dalam pendidikan wanita adalah penting dalam membantu menangani jurang jantina dalam pendidikan di Johor. Peranan majalah *Idaman* ini membantu mencabar sikap tradisional terhadap pendidikan wanita dan mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong untuk gadis Melayu mendapat pendidikan. Manakala kerajaan Johor terus melabur dalam pendidikan wanita sejak akhir 1930-an menunjukkan kesan yang positif dengan pengecilan jurang jantina dalam pendidikan di Johor dengan ketara. Namun demikian, masih terdapat banyak perkara lagi yang perlu dilaksanakan bagi memastikan semua kanak-kanak perempuan di Johor berpeluang mendapat pendidikan yang berkualiti.

Rentetan itu majalah *Idaman* menasihatkan golongan wanita supaya tidak bersikap berkecuali dalam memikul peranan dan tanggungjawab seperti mana golongan lelaki. Hal ini dapat dilihat menerusi ruangan dalam majalah *Idaman* yang memberi galakan kepada golongan wanita Melayu di Johor untuk bersama-sama mencapai kemajuan bangsa seperti dalam petikan berikut.<sup>33</sup> Ianya dijelaskan didalam majalah *Idaman* bahawa:

*Idaman mencari di negeri Johor,  
Di Batu Pahat tempat yang masyhur,  
Perdiriannya tegap sempurna zahir,  
Isinya bernas bersih terukir,  
Ayuhai kaumku laki-laki sekalian,  
Wahai perempuan dengarlah semboyan,  
Tetaplah tuan majalah Idaman,  
Isinya mahal beribu kawan,  
Tidaklah saya jumlah memuji, Majalah Idaman telah tersaji,  
Kiranya tak percaya silalah uji,  
Didalamnya jauh daripada kaji,<sup>34</sup>*

31 *Federated Malay States Annual Report 1929*, hlm.7.ANMCJ.

32 Frank Swettenham, *The Real Malay* (London: John Lane, 1889), pp. 272.

33 Shahaarom Husain, *Peranan Bulan Melayu dan Tojoh-tokohnya Dalam Perkembangan Bahasa dan Persuratan Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987), pp. 3.

34 Isa M. harun, “Idaman Menjelma,” *Idaman*, Januari 1, 1940, Malay Press, hlm. 52.

Petikan tersebut sememangnya terlihat seperti sebuah sajak. Hal ini demikian kerana ia menggalakkan wanita Melayu untuk bersama-sama mencapai kemajuan negara tetapi menasihati mereka supaya tidak berkelakuan kecuali mengambil kira peranan dan tanggungjawab sebagai lelaki. Sajak ini mencerminkan perubahan sosial dan ekonomi wanita Melayu pada awal sehingga pertengahan abad ke-20. Di satu pihak, wanita Melayu semakin digalakkan untuk memainkan peranan dalam kehidupan awam dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sebaliknya, sikap tradisional terhadap peranan jantina masih berleluasa dan wanita Melayu diharapkan untuk menjunjung peranan tradisional ini.

Galakan berterusan dalam artikel yang diterbitkan dalam majalah *Idaman* yang menyebabkan golongan wanita Melayu mula bersaing bersama dengan golongan lelaki dalam pendidikan. Wanita Melayu turut mempelajari mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana golongan lelaki. Perkara ini dapat diperlihatkan dalam majalah *Idaman* yang menyebutkan bahawa:

“Pada hari ini kaum ibu Melayu banyak yang telah menapak kepada kemajuan, berlumba-lumba hendak bersaing dengan abangnya kaum bapa setengah telah pula melalui persamaan sangat-sangat cemburu kiranya ia selalu diperingankan oleh pihak yang berkuasa. Pelajaran yang dipelajari kebanyakan sama dengan yang ada diajar kepada laki-laki. Seperti kira-kira, ilmu alam, tawarikh, kesihatan dan lain-lain. Cuma pada sekolah-sekolah perempuan yang khas sahaja ditambah pelajaran jahitan dan masak memasak kiranya ada diuntukkan perkakas dan tempatnya.”<sup>35</sup>

Fakta bahawa wanita Melayu mempelajari subjek yang sama dengan lelaki seperti ilmu kira-kira, ilmu alam, tawarikh dan kesihatan merupakan tanda kemajuan. Bahkan sekolah-sekolah perempuan mempunyai kemahiran khas sebagai mata pelajaran tambah seperti kemahiran menjahit, memasak, mengasuh anak asuhan moral, pengetahuan am, kesihatan, pekerjaan tangan.<sup>36</sup> Ia menunjukkan bahawa wanita Melayu tidak lagi terhad kepada peranan tradisional wanita seperti menjahit, memasak dan membesarkan anak. Walaupun wanita Melayu digalakkan untuk bersaing sama dengan lelaki dalam pendidikan namun mereka masih mengharap kaum wanita untuk mempelajari kemahiran tradisional wanita.

Hasil daripada sumbangan yang diberikan oleh Persekutuan Guru-Guru Lelaki Melayu Batu Pahat, Johor dalam majalah *Idaman* dilihat bahawa pembangunan beberapa buah Sekolah Perempuan. Pembukaan sekolah perempuan di Batu Pahat telah berkembang sejak terdapatnya dua buah sekolah perempuan Melayu yang dibina sejak tahun 1918 iaitu Sekolah Perempuan Bandar Penggaram dengan guru besarnya Hajah Raminoh binti Haji Ahmad dan Sekolah Perempuan Bagan di mana Cik Aishah bin Wali Hashim sebagai guru besarnya.<sup>37</sup> Pada penghujung tahun 1940, dicatatkan seramai 26,763 orang kanak-kanak perempuan Melayu yang mendaftar di Sekolah Vernakular.<sup>38</sup> Ini menunjukkan bahawa apabila kesedaran tentang pelajaran kepada anak-anak perempuan telah bermula dan lebih ramai ibu bapa yang

---

35 Abha, “Pelajaran Bagi Kaum Perempuan,” *Idaman*, 1 Januari 1941. Kiliran Akal PRes, hlm. 20.

36 Abdullah Zakaria Ghazali & Zainal Abidin Borhan, *Johor Dahulu dan Sekarang* (Kuala Lumpur: Persekutuan Muzium Malaysia, 1994), hlm. 167.

37 Abdullah Zakaria Ghazali & Zainal Abidin Borhan, *Johor Dahulu dan Sekarang*, hlm. 167.

38 S.S & F.M.S, *Precis of 1940 Report on Education*, hlm. 4.

menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Keadaan ini telah meningkatkan lagi perkembangan dalam kesedaran sosial wanita di Tanah Melayu sehingga tahun 1941.

Perkembangan beberapa sekolah perempuan di Batu Pahat hasil usaha Gabungan Guru Lelaki Melayu Batu Pahat menerusi majalah *Idaman* merupakan sebuah perkembangan yang positif. Ia menunjukkan kemajuan telah dicapai dari segi kesaksamaan gender dalam pendidikan di Johor pada awal hingga pertengahan abad ke-20. Jadual 3 di bawah memperlihatkan perkembangan penubuhan institusi pendidikan bagi golongan wanita di negeri Johor melalui pertambahan bilangan sekolah, hitung panjang pendaftaran, dan hitung panjang kehadiran murid-murid perempuan. Walaupun pertambahan ini berlaku secara beransur-ansur, keadaan ini memperlihatkan berlaku perubahan sikap ibu bapa yang semakin terbuka dalam soal memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan. Melalui jadual tersebut juga, didapati laporan tahunan pelajaran Johor bagi tahun 1929 menunjukkan permintaan terhadap sekolah-sekolah perempuan yang semakin bertambah.<sup>39</sup>

**Jadual 3: Bilangan Murid di Sekolah Vernakular Perempuan di Johor**

Tahun	Bilangan Sekolah	Hitung Panjang Pendaftaran	Hitung Panjang Kehadiran	Peratus Kehadiran
1916	5	206	160	77.7
1917	5	199	130	65.3
1918	5	158	104	65.8
1919	5	162	127	70.3
1920	5	162	127	78.4
1921	5	192	152	79.2
1922	5	246	212	85.2
1923	5	271	224	82.7
1924	5	334	294	88
1925	7	428	337	78.7
1926	10	599	520	86.8
1928	10	583	521	89
1929	11	589	553	92
1930	13	813	745	92
1931	13	877	813	93
1932	14	916	899	98
1933	15	1008	997	99
1934	15	1118	1108	99
1935	15	1305	1294	99
1936	17	1570	1560	99
1937	18	1779	1716	95
1938	21	2236	2132	95
1939	22	2816	2698	96

Sumber: diubah suai dari *Johor Annual Report* dan *Johor Annual Report of Superintendent of Education of Johore*, Arkib Negara Johor

<sup>39</sup> *Johor Annual Report of Superintendent of Education of Johore*, 1929, hlm.15.

Sehubungan dengan itu, karya Gabungan Guru Lelaki Melayu Batu Pahat mengenai pendidikan wanita adalah contoh bagaimana lelaki boleh memainkan peranan dalam mempromosikan kesaksamaan gender. Peranan majalah *Idaman* membantu mencabar sikap tradisional terhadap pendidikan wanita dan mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong untuk gadis Melayu mendapat pendidikan.

Disebalik cabaran ini, tidak dinafikan bahawa terdapat segelintir wanita Melayu yang berjaya mendapat pendidikan. Wanita-wanita ini selalunya daripada keluarga kaya atau daripada keluarga yang menyokong pendidikan wanita. Mereka memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan wanita dan dalam meningkatkan kehidupan wanita Melayu. Hakikat bahawa majalah *Idaman* diterbitkan dalam bahasa Melayu dan memfokuskan kaedah pengajaran dan pendidikan wanita adalah cerminan komitmen majalah itu untuk meningkatkan kehidupan orang Melayu. Hal ini turut menunjukkan peranan penting yang dijalankan oleh majalah ini dalam mempromosikan pendidikan di kalangan orang Melayu dan dalam mencabar sikap tradisional terhadap pendidikan wanita.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa sebelum Perang Dunia Kedua majalah *Idaman* memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan dalam kalangan orang Melayu Johor. Majalah *Idaman* sebagai salah sebuah akhbar dan majalah Melayu keluaran negeri Johor telah bersama-sama mendukung aspirasi kerajaan negeri Johor untuk melahirkan lebih ramai intelektual Melayu yang bakal mengisi pentadbiran dan menguasai ekonomi negeri. Pendidikan dilihat sebagai salah satu saluran yang penting untuk mencapai matlamat tersebut di samping menjadi pengekang kepada gejala-gejala buruk yang timbul ekoran pemodenan Johor yang boleh menghalang kemajuan orang Melayu. Artikel di dalam majalah *Idaman* mengenai pendidikan jelas menonjolkan faedah pendidikan untuk individu dan masyarakat secara keseluruhannya. Majalah itu berpendapat bahawa pendidikan boleh membantu individu meningkatkan kehidupan mereka, mendapat pekerjaan yang lebih baik dan dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat. Kepentingan pendidikan turut digariskan di dalam majalah ini terutamanya kepentingannya sebagai penggalak kepada proses mobiliti sosial, mencabar sikap tradisional yang bersifat pesimis dan prejudis terhadap golongan wanita. Oleh sebab itu, jelas bahawa peranan yang dimainkan oleh majalah *Idaman* dalam menekankan peri pentingnya pendidikan dalam pembentukan sebuah bangsa Melayu yang bersifat progresif dan mampu untuk bersaing di dalam dunia yang moden.



## Rujukan

- “Pendidikan yang Membawa Kepada Kemalaratan dan Kesentosaan”, *Idaman* 1 Mei 1941.
- “Pengetahuan Luar.” *Idaman*. 1 April 1940.
- Abdul Rahman Embong. “Development of Johor Malay Education, 1855-1941.” *Journal of the Royal Asiatic Society of Malaysia Branch* 70, no. 1 (1997): pp. 33-45.
- Abdullah Zakaria Ghazali & Zainal Abidin Borhan. *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persekutuan Muzium Malaysia, 1994.
- Abha. “Pelajaran Bagi Kaum Perempuan.” *Idaman*. 1 Januari 1941.
- C.A. Vlieland, *British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problem of Vital Static*, London: The Crown Agent for the Colonies, 1932.
- Frank Swettenham. *The Real Malay*. London: John Lane, 1889.
- F.A. Swettenham, *Malay Sketches*, London: John Lane, 1913.
- Federated Malay States Annual Report 1929*. ANMCJ.
- H. Coway Belfield, *Handbook of the Federated Malay States*, Second Edition, London: Edward Stanford, 1904.
- Isa M. harun. “Idaman Menjelma.” *Idaman*, Januari 1, 1940.
- Irene Garcia-Moya, Fiona Brooks & Carmen Moreno, “Humanizing and Conducive to Learning: An Adolescent Student’s Perspective on the Central Attributes of Positive Relationships with Teachers,” *European Journal of Psychology of Education* 35, 2020.
- Johor Annual Report of Superintendent of Education of Johore, 1929*. ANM
- Johore Annual Report 1930: A Report by G. E. Shaw*, ANM.
- M. A Fauzi Basri. “Daerah Batu Pahat 1880-1917.”, *Jebat*, Bil.2, 1972/73.
- Mad Jailani Imam, “Apakah Kelebihan Ilmu dan Bagaimanakah Ilmu Pengetahuan Yang Dikehendaki?” *Idaman*. Januari 1940.
- Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, Pulau Pinang, 1955.
- May Britt Postholm, “Classroom Management: What Does Research Tell Us,” *European Educational Research Journal* 12, No. 3, 2013.
- Pengarang, “Guru Dengan Pengajarannya.” *Idaman*. 1 Mac 1941.
- S.S & F.M.S, *Precis of 1940 Report on Education*.
- SS797/1919: *Surat Pemeriksaan Sekolah-sekolah Melayu Johor Kepada Setiausaha kerajaan*, 12 Mei 1919. ANMCJ.
- Shaharom Husain. *Peranan Bulan Melayu dan Tojoh-tokohnya Dalam Perkembangan Bahasa dan Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.
- SP18/3B/10: *Pemandangan Mengenai Orang Melayu: Kemiskinan Orang Melayu*”, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- The Annual Report of the Superintendent of Education, Johore, for the year 1939*.
- Za’ba. “Recent Malay Literature.” *JMBRAS* XIX (1941): 1-20.
- Zainuddin Leman. “Perkembangan Pelajaran Melayu di Selangor” In *Selangor Dahulu dan Sekarang*, edited by Khoo Kay Kim, Adnan Nawang et al., Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, 91-112.